

Biografi Dr. Noor Azean Atan



Dr. Noor Azean Atan telah memperolehi **pendidikan** awal di Sekolah Rendah Kebangsaan (P) Sultan Ibrahim (S.I.G.S) dan Sekolah Menengah (P) Sultanah Engku Tun Aminah, Johor Bahru (1990 – 1994). Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran di Institut Teknologi MARA (ITM), di bawah Program **Diploma Sains Komputer** (1995 - 1998) dan menyambung pengajian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dalam program **Sarjana Muda Sains (Komputer)** pada tahun 1999 sehingga 2001. Beliau berpeluang melanjutkan pengajian seterusnya di Universiti Teknologi MARA (UiTM), pada peringkat sarjana (*mixed mode*) di bawah Program **Sarjana Sains Teknologi Maklumat** dengan tesis bertajuk *Student's Performance from the Effectiveness of Using Computer-Simulation in Learning Network Infrastructure Design*, pada tahun 2005. Dengan tesis bertajuk *Profil Kontinum Pemikiran Visual Pelajar dalam Persekitaran Pembelajaran Autentik Bervisual menerusi Web*, beliau berjaya menamatkan ijazah **Doktor Falsafah Teknologi Pendidikan** dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2012.

Kerjaya

Bermula **kerjaya** sebagai pembantu pegawai kewangan di sebuah syarikat kewangan swasta MBF Finance, beliau pernah menjalani praktikal sebagai seorang **programmer** di Pusat Komputer (**1998**), Universiti Teknologi Malaysia sebelum di lantik sebagai **Tutor** pada tahun **2001** di bawah Jabatan Multimedia Pendidikan (JMP), Fakulti Pendidikan, UTM. Setelah menerima ijazah peringkat Sarjana, beliau telah dilantik sebagai Pensyarah pada tahun 2005 dan seterusnya sebagai **Pensyarah Kanan** pada tahun **2013** sehingga kini di bawah Jabatan Pendidikan Sains, Matematik dan Multimedia Kreatif, Fakulti Pendidikan, UTM.

Kepimpinan & Pentadbiran

Keterampilan dan komitmen yang tinggi Dr. Noor Azean, menjalankan tugasnya dalam **bidang kepimpinan dan pentadbiran**, telah dipaparkan dengan cemerlang melalui lantikan beliau sebagai **Penyelaras Projek Sarjana Muda** bagi Program Sarjana Muda Sains Komputer serta Pendidikan Matematik / Fizik / Kimia, **Ketua Makmal Komputer** bagi Jabatan Multimedia Pendidikan serta **Koordinator Program** SPK dan SPP, di Fakulti Pendidikan (2005-2007). Rentetan daripada kredibiliti beliau itu, Fakulti Pendidikan memberi kepercayaan sekali lagi pada tahun 2013, dengan melantik beliau sebagai **Penyelaras Program Sarjana Teknologi Pendidikan, Ketua Makmal Komputer** bagi Jabatan Multimedia Pendidikan dan **Pengurus Laman Web** Fakulti Pendidikan sehingga melonjakkan kepada *ranking Top 3 UTM website* daripada 20 Fakulti /Akademi, Universiti Teknologi Malaysia. Walau bagaimanapun, jawatan tersebut hanya di pegang kurang daripada setahun apabila beliau dilantik sebagai **Pengurus Teknologi Maklumat** di **Pusat Pengajaran dan Pembelajaran** (CTL), UTMLead bermula 1 Ogos 2013 sehingga 30 Oktober 2015 (2 tahun 3 bulan), yang melibatkan pengurusan Sistem Pembelajaran *Online* UTM bagi Pra dan Pasca Siawazah (**eLearning@UTM**), Sistem Penilaian Pengajaran Pensyarah (**ePPP**), Laman Web OpenCourseware UTM (**OCW@UTM**), Laman Web UTM-Motion (**UTMotion@UTM**) dan Sistem Maklumat Kemahiran Generik Pelajar IPT Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi (**My3S**). Pada masa yang sama, beliau telah dilantik oleh Timbalan Naib Cancellor UTM (A&A) sebagai **Pengurus UTM-MOOCs** (2015), sehingga berjaya menghasilkan 4 kursus lengkap dan 3 kursus dalam pembangunan yang melibatkan kerjasama pensyarah-pensyarah daripada lima buah fakulti pelbagai bidang serta kepakaran melalui *platform* <https://www.openlearning.com> yang diguna pakai oleh lebih 2000 pelajar seluruh dunia dengan pengiktirafan oleh Majlis ePembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA). Seawal usia 35-an, beliau telah menunjukkan keyakinan dan kebolehan dalam bidang pengurusan

sehingga mampu **memimpin staf-staf Multimedia di CTL** sehingga berjaya menghasilkan video-video koprat / profesional serta penghasilan video pembelajaran di bawah projek UTM-MIT BLOSSOMS. Berdasarkan kepada kompetensi serta kreativiti beliau juga, Dr. Noor Azean dilantik sebagai **Penasihat UTM Student2Student Edutainment** bagi tahun 2014 dan 2015, sehingga mendapat perhatian daripada pihak IPTA lain seterusnya dipanggil oleh sidang akhbar (Berita Harian) bagi berkongsi berkenaan kejayaan projek ini dalam mengetengahkan konteks hiburan menerusi pembelajaran yang dibangunkan oleh mahasiswa untuk mahasiswa lain. Selain itu, beliau juga dilantik sebagai wakil universiti (UTM) bagi Pengurus ePembelajaran dan Pembelajaran Terbuka (MOOCs) sebagai **ahli Majlis ePembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA)** selama 2 tahun (Jan 2014 Dis 2015) .

Anugerah & Penghargaan

Anugerah dan penghargaan peringkat universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa dalam mengharumkan nama Universiti Teknologi Malaysia turut diperolehi oleh Dr. Noor Azean. Kesungguhan dan kecekapan beliau dapat dilihat apabila menerima **Penghargaan Pencapaian Cemerlang dalam Pengajaran, UTM (5% Best Instructor in UTM)** pada tahun 2003, iaitu pada tahun ke-2 beliau sebagai Tutor. Diikuti dengan pimpinan dan penyeliaan oleh mentornya, anugerah **“The Best Award for the Invention / Innovation” di Malaysia Technology Expo 2008 (MTE)**, Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur telah di terima oleh Dr. Noor Azean bersama kumpulan penyelidik, serta turut menerima dua (2) anugerah Gold Medal di Malaysia Technology Expo 2008 (MTE) tersebut, sehingga beliau layak ke Pertandingan Invention / Innovation of Programme Pedagogy Personalised @ **“36th International Exhibition of Inventions New Techniques and Products Geneva, April 2008, Geneva Palexpo, Switzerland”** dengan membawa pulang dua (2) Silver Award. Hasil daripada kejayaan beberapa anugerah, beliau di anugerahkan sebagai penerima **“Anugerah Khas Penglibatan Dalam Pertandingan Penyelidikan”**, Sempena Sambutan 15

Tahun Dan Majlis Kualiti Fakulti Pendidikan 2008. Kejayaan ini menjadi pencetus semangat dan idea kepada beliau meneruskan perjuangan sehingga memenangi empat **(4) Gold Medal** di National University Carnival on eLearning 2014 **(NUCeL2014)** bagi Pembangunan Projek “OER Integration: OCW & MOOCs”, “BLOSSOMS: Helps Develop Students' Higher Order Thinking Skills (Hots) in Learning STEM” serta penghasilan dua (2) aplikasi mobil bertajuk “Mandarin Tutor Apps” dan “Mental Arithmetic Fun Learning Apps”. Pada tahun berikutnya, beliau sekali lagi menerima kemenangan **Gold Medal dan tiga (3) Silver Medal** dalam Pertandingan Innovation, Invention and Design in e-Learning **(IIDEL) 2015**, anjuran MEIPTA dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Selain itu beliau turut menerima **Penghargaan Pakar Bidang dan Pembangun Malaysia MOOCs 2015** bagi empat (4) kursus oleh Jawatankuasa Malaysia MOOCs, Majlis ePembelajaran IPTA Malaysia (MEIPTA) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT). Kegigihan yang berterusan oleh Dr. Noor Azean telah sekali lagi menerima kejayaan dengan **dua (2) Silver Medal** di International University Carnival on eLearning **(IUCeL) 2016** bagi projek UTM-MOOCs, **tiga Silver Medal** di Innovative Practices in Education and Industry Exhibition **(I-PEINX 2016)** bagi projek Pembangunan Modul Pembelajaran berdasarkan Strategi: Metakognitif, Pemikiran Geometri 3D serta Pemikiran Matematik. Beliau juga merupakan pemenang **Gold Award** di 3rd International Innovative Practices in Higher Education Expo **(I-PHEX 2016)** bagi projek MOOCs Course based on Authentic Learning Strategy. Kesabaran dan ketekunan beliau dalam pelaksanaan dan kejayaan pelbagai program telah melayakkan beliau sebagai penerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016** serta menerima beberapa anugerah **Penghargaan Program Pembelajaran Servis bagi tahun 2016** daripada Sekolah luar bandar (FELDA Air Tawar) serta sekolah sekitar Johor termasuk sebuah Sekolah Kluster dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil atas jasa beliau menjalankan Program Pembelajaran Servis dalam bidang ICT, Multimedia Kreatif, Teknologi Web 2.0, Aplikasi Virtual Reality (VR) serta Augmented Reality (AR) serta Pengkabelan

Rangkaian Komputer sejajar dengan Akademia Baharu. Perjuangan Dr. Noor Azean berterusan sehingga tahun **2017** dan sekali lagi menerima **Penghargaan Program Pembelajaran Servis** dari beberapa sekolah termasuklah SMK Sultanah Engku Tun Aminah, SK Mutiara Rini, SMK Felda Air Tawar serta SK Pengkalan Rinting atas sumbang bakti beliau menjalankan beberapa projek dalam menyokong Pembelajaran Abad ke-21. Tidak ketinggalan bagi tahun 2017, beliau berterusan meraih **Gold Medal** dalam International Invention, Innovation & Design Competition (**IID Johor 2017**) bagi projek beliau bertajuk "Implementation of Engineering Course through MOOCs based on Authentic Learning Environment".

Pengajaran

Dedikasi Dr. Noor Azean dalam **aspek Pengajaran** sehingga kini hampir 17 tahun, terus memaparkan kecemerlangan dengan kepelbagaian strategi pengajaran dan kreativiti beliau dalam merekabentuk instruksinya. Beliau telah mengajar **lebih dari 15 kursus/subjek** berbeza di bawah program pendidikan di Fakulti Pendidikan peringkat **pra-siswazah** serta **pasca-siswazah**. Hasil daripada keikhlasan dan kesungguhan beliau menyampaikan ilmu, membantu dan menyokong dalam pembentukan kemahiran insaniah pelajar-pelajarnya serta mengkonstruk pengetahuan baru melalui pengintegrasian teknologi serta aktiviti pembelajaran, telah melahirkan ribuan graduan yang berjaya. Kesabaran dan keperibadian beliau sebagai seorang pendidik ini telah membuahakan hasil apabila beliau sering menerima **ranking P4 dan P5** dalam penilaian ePPP serta menerima penghargaan atas keaktifan menggunakan eLearning@UTM selain menerima "**Award of Excellent**" dalam "**Active Blended Learning Course**" daripada CTL, UTM. Beliau juga menerima lebih daripada lima (**5**) **Geran Penyelidikan (2003 - 2016) berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran** bersama kumpulan penyelidik melalui pengaplikasian digital teknologi berdasarkan strategi pembelajaran agar pelajar mengalami pengalaman

pembelajaran yang autentik serta menyokong kepada penguasaan kemahiran generik berdasarkan atribut graduan.

Penyeliaan & **Penasihat Akademik**

Aspek penyeliaan, beliau telah dilantik sebagai **penyelia Projek Sarjana Muda** kepada **40 pelajar pra-siswazah**, dan telah menghasilkan tesis yang berfokuskan kepada ePembelajaran, pembangunan modul pembelajaran berteraskan digital teknologi, *online-learning* menerusi web dan *apps*, rekabentuk instruksi pembelajaran ICT serta pembangunan bahan bantu pengajaran berteraskan teknologi berkomputer / multimedia. Disamping itu, Dr. Noor Azean telah bertindak sebagai **penyelia** kepada hampir **sepuluh (10) tesis** pelajar program **pasca-siswazah (taught course)**, **tiga (3) tesis** pelajar sarjana (**mixed-mode**) dan **seorang (1)** pelajar program pasca-siswazah (**full-research**) sehingga tahun **2016**. Pada tahun **2017** pula, beliau sekali lagi dilantik sebagai penyelia kepada **enam (6)** pelajar program pasca-siswazah (**taught course**) serta **seorang (1)** pelajar sarjana (**mixed-mode**) di bawah Program Teknologi Pendidikan. Selain itu, beliau turut menyelia **dua (2)** orang pelajar di **peringkat doktor falsafah** manakala dilantik sebagai penyelia-bersama kepada **enam (6)** pelajar iaitu dua (2) daripadanya telah graduan pada tahun **2017**. Pada peringkat pasca-siswazah, penyelidikan yang dijalankan berfokuskan kepada strategi pembelajaran autentik, kontinum pemikiran visual, pengintegrasian teknologi web dan *apps*, rekabentuk grafik modul pembelajaran berdasarkan metakognitif dan pemikiran geometri, pembangunan *e-learning* serta platform pembelajaran terbuka (MOOCS) dan e-Pembelajaran Servis. Beliau turut bertindak sebagai **penyelia Praktikal Latihan Mengajar** di sekolah kepada lebih **20 pelajar** peringkat Sarjana Muda Sains Komputer serta Pendidikan (Matematik / Fizik / Kimia). Dari aspek penasihat akademik, beliau dilantik sebagai **penasihat akademik** kepada lebih **100 pelajar** peringkat pra-siswazah dan bersedia meluangkan masa untuk membuat

perbincangan serta memberi idea bersama pelajar yang memerlukan khidmat nasihat berkaitan permasalahan akademik atau kemajuannya.

Penyelidikan

Sejajar dengan status UTM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, Dr. Noor Azean meneruskan perjuangan dalam **aspek Penyelidikan** dengan **mengetuai empat (4) geran penyelidikan** universiti dan geran penyelidikan kebangsaan seperti MOHE berjumlah **RM114,200** iaitu menerima RM52,200 (geran penyelidikan FRGS), sejumlah RM32,000 (geran RUG) serta dua (2) geran UTMF bernilai RM10,000 dan RM20,000. Selain itu beliau turut memperolehi **tiga (3) Networking Grant** dengan pihak sekolah serta kerjasama PIBG berjumlah RM6,810 yang memberikan impak yang sangat baik bagi perkembangan psikomotor pelajar sekolah. Tambahan daripada penerimaan geran ini, sebagai penyelidik bersama, beliau beserta kumpulan penyelidik di anugerahkan dua (2) geran PRGS berjumlah RM84,800 dan RM61480, geran Flagship berjumlah RM50,000, lima (5) geran FRGS dengan jumlah RM271,500, geran Tier 1 memperolehi RM39,700 dan RM20000, tujuh (7) geran Tier 2 dengan jumlah RM132,000, serta 9 geran UTMF berjumlah RM154,000 dan satu (1) geran DPP sebanyak RM10,000. Secara keseluruhan Dr. Noor Azean telah menyertai **30 geran bersama** rakan penyelidik lain atas kemahiran serta kepakaran bidang beliau bagi perkongsian pengetahuan serta kepercayaannya dalam pengembangan ilmu.

Penerbitan

Dari **aspek penerbitan**, Dr. Noor Azean sangat teruja dalam menerbitkan penulisan termasuklah penghasilan **buku rujukan pembelajaran** sebanyak **10 buah** sehingga 2017, aktif di dalam penulisan artikel dalam **book chapter** iaitu menghasilkan sebanyak **8 bab**, disamping bekerjasama dalam penghasilan buku panduan peringkat universiti bertajuk **Akademik Baru Inovasi Pembelajaran**, penglibatan dalam penerbitan buku panduan peringkat kebangsaan bertajuk **Development of E-Content, E-Learning**

Guideline for Malaysia HEIS serta penulisan polisi e-pembelajaran peringkat kebangsaan bertajuk **Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0**. Beliau telah berjaya menerbitkan **44 artikel** dalam **prosiding** seminar di peringkat kebangsaan dan persidangan antarabangsa. Seterusnya, sebanyak **12 artikel** berindeks dalam **Scopus** serta **1 artikel** dalam **ISI**. Terkini, beliau menerbitkan buku buletin bertajuk **International Service Learning Program 2017 (ISLP)**, Fakulti Pendidikan serta sedang bergiat aktif dalam penulisan modul bertajuk Pengintegrasian Pembelajaran Servis Mahasiswa Universiti.

Pengiktirafan & Sumbangan

Kebolehan, kemahiran dan pengalaman Dr. Noor Azean dalam teknologi pendidikan dan multimedia kreatif mendapat perhatian pada peringkat universiti dan kebangsaan. Berdasarkan kepada **aspek pengiktirafan dan sumbangan** ini, beliau dilantik sebagai penceramah berkenaan Pengintegrasian dan Rekabentuk *Massive Open Online Courses* (MOOCs) di dua buah Universiti Malaysia iaitu UTHM dan UMK. Lebih daripada 30 jemputan sebagai penceramah dan fasilitator dalam memberi latihan / bengkel / kursus, kepada staf akademik UTM termasuk kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT), eLearning, pembangunan *apps* dan blog, Teknologi Web 2.0, Strategi Pengajaran dan *Blended Learning*, NALL, OpenCourseware (OCW) dan siri bengkel pembangunan UTM-MOOCs. Beliau juga dirujuk dan dilantik sebagai penasihat serta penceramah kepada guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah di peringkat Negeri Johor berkenaan Implementasi ICT dan Teknologi Baru 2.0 dalam Pembelajaran abad ke-21. Pada **peringkat antarabangsa**, beliau turut menganjurkan beberapa latihan / kursus dan sebagai **penceramah** kepada pensyarah-pensyarah daripada Yemen, Afghanistan, Pakistan dan Indonesia berkenaan eLearning, Blended Learning dan New Emerging Technologies.

Perundingan

Seterusnya dari **aspek perundingan**, pernah dilantik sebagai salah seorang ahli MEIPTA dalam menghasilkan *Malaysia MOOCs Guideline*. Beliau juga terlibat sebagai ahli perbincangan dalam semakan kandungan kurikulum buku teks baru sekolah menengah 2017 bagi mata pelajaran Asas Sains Komputer (ASK) tingkatan 1 hingga 3 serta Sains Komputer (SK) lanjutan bagi tingkatan 4 dan 5. Keefisienan perkhidmatan beliau dalam bidang kepakarannya, sering di jemput oleh pihak sekolah serta dalam beberapa pertandingan bagi perkongsian ilmu terutama dalam pengintegrasian teknologi web / multimedia kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Khidmat Profesional

Begitu juga dalam **bidang khidmat profesional**, Dr. Noor Azean merupakan ahli badan profesional *The Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE)* (2014-2016). Pada peringkat kebangsaan, beliau adalah ahli badan *Mobile Learning Association of Malaysia* dari tahun 2014 hingga kini, menyertai *Society of Engineering Education Malaysia (SEEM)* serta Ahli Majlis Ketua-Ketua Penyelaras E-Pembelajaran Ipta (MEIPTA) 2015-2016.

Dr. Noor Azean terus komited dan memaparkan kecemerlangan sebagai seorang pendidik yang berdedikasi, serta berintegriti dan berpendirian teguh dalam meneruskan perjuangan merealisasikan Akademia Baru Universiti, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan negara dalam melahirkan anak bangsa yang holistik dan berjiwa bangsa serta bertanggungjawab demi agama, bangsa dan negara.